

[FOTO HIASAN]



Alumni bantu golongan memerlukan.

Pusat Alumni pastikan universiti kekal relevan

Tanjung Malim: Pusat Alumni Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menjadi penghubung antara alumni dengan universiti dengan menyusun pelbagai gerak kerja serta memastikan kewujudan pusat itu kekal relevan dalam membantu mengangkat nama universiti.

Pengarahnya, Dr Mohd Izwan Shahril, berkata sebagai universiti tunggal yang memberikan pengkhususan dalam bidang pendidikan, maka majoriti alumni yang dilahirkan kebanyakan bergelar guru yang berkhidmat di seluruh negara.

Beliau berkata, dalam mendekatkan lagi Pusat Alumni UPSI dengan bekas pelajar, satu siri kembara ke seluruh negara mengikut negeri dijalankan bagi tujuan penubuhan Jawatankuasa Chapter mengikut negeri.

“Mereka yang dilantik akan membantu menambah dan mengemaskini data serta menjalankan aktiviti bagi

membantu Pusat Alumni.

“Sehingga Februari tahun ini, sebanyak empat negeri sudah dikunjungi Pusat Alumni UPSI dan penubuhan Jawatankuasa Chapter sudah dibentuk memabitkan Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak,” katanya kepada *BH Varsiti*.

Unit penerbitan

Beliau berkata, selain itu, Pusat Alumni UPSI turut menubuhkan unit penerbitan yang bertindak sebagai promosi segala aktiviti dirancang dan dilaksanakan seperti penerbitan buletin, buku ikon; ikon mingguan dan info grafik berdasarkan keperluan.

Mohd Izwan berkata, program alumni turut membuat beberapa sumbangan dalam bentuk wang, kepakaran dan juga sumbangan kerusi bagi kemudahan pelajar.

“Baru-baru ini, Pusat Alumni UPSI melancarkan sistem pembayaran sedekah (e-derma) dengan kadar sum-

bangkan minimum sebanyak RM10 yang memudahkan alumni menyumbang semula kepada masyarakat selepas berjaya membina kerjaya masing-masing,” katanya.

Selain itu, katanya, kejayaan Pusat Alumni UPSI adalah memberikan sumbangan yang besar dalam pemberian mata QS ranking dengan membekalkan data pelajar dalam kebolehpasaran graduan.

Mohd Izwan berkata, kejayaan membina sistem data alumni yang dinamakan *Alumni Intergrated System Management (AIMS)* sehingga kini berjaya mengumpulkan sebanyak 82,629 data bekas pelajar bagi tahun 1997 hingga 2018.

Beliau berkata, kelebihan sistem ini memudahkan setiap alumni mencetak segala data yang sudah dikemaskini dalam sistem yang ada dan memudahkan mereka untuk menggunakannya dalam beberapa hal berkaitan.



Pusat Alumni UPSI melancarkan sistem pembayaran (e-derma) dengan sumbangan minimum RM10 memudahkan alumni menyumbang semula kepada masyarakat selepas berjaya membina kerjaya”

Dr Mohd Izwan Shahril,
Pengarah Pusat Alumni UPSI